

SOALAN NO: 374

Authority Ordinance 2017” di mana satu perbadanan yang dinamakan “Sarawak Multimedia Authority” telah ditubuhkan bagi menyelaraskan semua aktiviti komunikasi dan multimedia di negeri Sarawak.

Pihak Kerajaan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperluaskan liputan perkhidmatan telekomunikasi di Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar melalui inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada di kawasan luar bandar.

Sehingga kini, sebanyak 410 menara komunikasi baharu telah siap beroperasi dengan liputan perkhidmatan 3G/4G manakala 2 menara sedang dalam peringkat pelaksanaan di Sarawak. Selain itu, sebanyak 898 menara sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan sehingga liputan perkhidmatan 4G manakala 270 menara sedia ada masih dalam peringkat penaiktarafan di Sarawak. Ini adalah tambahan kepada 847 menara yang dibangunkan secara komersial di Sarawak yang menyediakan liputan perkhidmatan sehingga 4G.

Permohonan pembinaan menara komunikasi boleh dibuat melalui wakil rakyat, SKMM serta Kementerian dan juga syarikat-syarikat telekomunikasi yang berkaitan.